

TAKAFULINK DANA SIMPANAN

HELAIAN FAKTA
DANA UTAMA 2018

TAKAFUL & KAMI

Takaful secara harfiah bermaksud tanggungjawab, jaminan, jaminan kolektif dan usaha bersama. Secara umum, takaful diasaskan pada pengaturan koperasi (ta'awun) berdasarkan prinsip-prinsip bersama dan solidariti, merangkumi unsur-unsur indemniti dan kepentingan bersama. Takaful ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang bermaksud perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Bergantung pada model takaful yang diluluskan, caruman peserta akan disalurkan ke dana berasingan untuk pelaburan. Dana-dana* kami hanya dilaburkan di dalam pelaburan patuh Syariah, di dalam dan luar negara. Setiap pelaburan dibuat selepas mengambil kira risiko dan pulangan yang terlibat.

Di Prudential BSN Takaful (PruBSN), kami mendukung nilai-nilai ini melalui amalan profesional yang dapat menyediakan segala yang diperlukan oleh peserta-peserta kami. Nilai-nilai ini amat jelas dalam setiap transaksi kami. Nilai-nilai inilah yang menjadikan kami pilihan berhemat.

Melalui rangkaian agensi dan rakan niaga, kami menyediakan pelbagai produk inovatif yang melindungi anda dalam setiap aspek kehidupan anda. Daripada perlindungan ke simpanan hingga keperluan kerohanian anda, setiap produk kami dicipta bagi memberikan ketenangan minda untuk anda.

**Dana-dana Takafulink adalah instrumen pelaburan yang mematuhi Syariah.*

TAKAFULINK DANA SIMPANAN

Ciri-ciri Dana

Objektif Pelaburan	Dana bertujuan untuk memberi aliran pendapatan yang stabil melalui pelaburan di dalam instrumen deposit/pasaran wang patuh Syariah.
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p>Dana ini sesuai terutamanya kepada pelabur yang berminat terhadap pulangan yang lebih stabil berbanding dengan pulangan yang diberikan oleh dana pertumbuhan. Ia juga sesuai bagi mereka yang konservatif dan mempunyai keperluan untuk mendapat pendapatan yang stabil.</p> <p>Dana bertujuan untuk mencapai objektif dengan melabur di dalam deposit dan instrumen pasaran wang Islam. Dana akan melaburkan 100% NAV di dalam instrumen yang dibenarkan dan patuh Syariah. Strategi pelaburan yang pasif digunakan untuk Dana ini.</p>
Peruntukan Aset	Dana ini akan melaburkan 100% dalam deposit dan instrumen pasaran wang patuh Syariah.
Tanda Aras Prestasi	Tidak Berkenaan.
Pengurus Dana	Prudential BSN Takaful Berhad (740654-H)

Yuran & Caj

Caj Pengurusan Aset Wakalah	Tidak Berkenaan.
Caj Lain, jika ada	Tiada

TAKAFULINK DANA SIMPANAN

Prestasi Dana

Tidak ada prestasi dana bagi Takafulink Dana Simpanan kerana harga unit ditetapkan pada RM1 sepanjang tempoh Dana.

Penentuan Harga Hadapan

Tiada penentuan harga hadapan bagi Takafulink Dana Simpanan.

Penentuan Harga Unit

- Harga unit ditetapkan pada RM1 sepanjang tempoh Dana ini.
- Harga unit dikira berdasarkan pada nilai pasaran aset-aset yang berkaitan bagi Dana, dibahagikan dengan bilangan unit yang dikeluarkan.
- Semua keuntungan pelaburan dari Dana ini akan dimasukkan ke dalam Akaun Unit Pelaburan peserta Takafulink Dana Ekuiti.
- Keuntungan pelaburan diisytiharkan berdasarkan kepada tempoh terkunci 12 bulan dari tarikh peruntukkan sumbangan dilaburkan di dalam Dana.
- Tiada keuntungan pelaburan yang akan diisytiharkan bagi mana-mana sumbangan yang telah ditarik balik sebelum matang kitaran 12 bulan.

Faktor Risiko

Sila rujuk kepada butiran Faktor Risiko yang disenaraikan di bawah mengikut aturan kepentingannya:

• Risiko Pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang mungkin timbul daripada perubahan dalam suasana pasaran. Keadaan pasaran secara umumnya dipengaruhi oleh, antara lain, kestabilan ekonomi dan politik. Sekiranya pasaran di mana Dana dilaburkan mengalami kemerosotan atau ketidakstabilan akibat keadaan ekonomi atau politik yang buruk, ia boleh memberi impak kepada harga pasaran pelaburan Dana.

• Risiko Inflasi

Risiko ini merujuk kepada risiko di mana pelaburan oleh pelabur dalam Dana mungkin tidak berkembang atau tidak menjana pendapatan yang seiring dengan inflasi, sekaligus menyebabkan pengurangan kuasa pembelian pelabur walaupun dari sudut kewangan, pelaburan tersebut mungkin telah meningkat.

TAKAFULINK DANA SIMPANAN

Faktor Risiko

• Risiko Pihak Bertentangan

Dana akan didedahkan kepada risiko kredit pihak bertentangan di mana ia didagangkan seperti kemungkinan insolvensi, kemuflihan atau keingkaran oleh pihak bertentangan di mana Dana didagangkan, yang mungkin mengakibatkan kerugian pada Dana. Risiko ini boleh dikurangkan dengan harga melabur dalam instrumen yang dikeluarkan oleh pihak bertentangan dengan penarafan kredit minimum A3 dan P3 atau penarafan setara oleh agensi penarafan kredit yang diiktiraf di Malaysia atau di peringkat antarabangsa.

• Risiko Ketidapatuhan

Risiko ini timbul daripada ketidakpatuhan undang-undang, peraturan, amalan, resolusi Syariah dan dasar dalaman yang ditetapkan oleh Pengurus Dana serta prosedur sama ada disebabkan oleh kesilapan atau kelalaian. Ketidapatuhan berikut boleh memaksa Pengurus Dana untuk menjual sekuriti Dana dengan menanggung rugi untuk membetulkan ketidakpatuhan dan seterusnya memberi kesan kepada nilai pelaburan pelabur dalam Dana. Bagi mengurangkan risiko ini, Pengurus Dana telah mewujudkan kawalan dalaman bagi memastikan pematuhan berterusan dengan undang-undang, peraturan, amalan, resolusi Syariah dan polisi serta prosedur dalaman yang ditetapkan oleh Pengurus Dana.

Nota: Perkara di atas tidak harus dianggap sebagai senarai lengkap risiko yang harus dipertimbangkan pelabur sebelum melabur dalam Dana. Pelabur perlu sedar bahawa pelaburan dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko lain dari semasa ke semasa. Pelabur harus berunding dengan penasihat profesional untuk memahami dengan lebih baik berkenaan risiko.

Strategi Pengurusan Risiko

Strategi pengurusan risiko yang diguna pakai oleh Pengurus Dana termasuk yang berikut:-

- Memantau keadaan pasaran dan ekonomi;
- Memantau kepatuhan objektif dan sekatan serta batasan bagi Dana;
- Memantau prestasi Dana; dan
- Menyalur dan melaporkan hal pelaburan kepada jawatankuasa pelaburan, pasukan pengurusan kanan, jawatankuasa audit, jawatankuasa Syariah dan lembaga pengarah.

TAKAFULINK DANA SIMPANAN

Maklumat Lain

Pasaran Sasaran	Peserta yang mempunyai toleransi risiko rendah, jangka masa pelaburan yang sederhana hingga panjang dan mahukan perlindungan modal beserta pulangan yang stabil.
Dasar & Kekerapan Penilaian Unit	<ul style="list-style-type: none">• Harga unit ditetapkan pada RM1 sepanjang tempoh Dana ini.• Harga unit dikira berdasarkan pada nilai pasaran aset-aset yang berkaitan bagi Dana, dibahagikan dengan bilangan unit yang dikeluarkan.• Semua keuntungan pelaburan dari Dana ini dimasukkan ke dalam Takafulink Dana Ekuiti di Akaun Unit Pelaburan peserta individu.• Keuntungan pelaburan diisytiharkan berdasarkan kepada tempoh terkunci 12 bulan dari tarikh peruntukkan sumbangan dilaburkan di dalam Dana.• Tiada keuntungan pelaburan yang akan diisytiharkan bagi mana-mana sumbangan yang telah ditarik balik sebelum matang kitaran 12 bulan.
Keadaan Pengecualian	<ul style="list-style-type: none">• PruBSN mungkin menggantung harga unit dan transaksi sijil jika mana-mana platform/institusi di mana Dana dilaburkan digantung untuk dagangan. Dalam situasi sedemikian, notis penggantungan akan dikeluarkan dan mungkin akan diberitahu kepada para Peserta apabila terdapat penambahan, penukaran, penebusan atau pengeluaran kepada/daripada Dana Takafulink tersebut.

Penafian:

Helaian fakta dana utama ini disediakan oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN") untuk maklumat am dan tujuan ilustrasi sahaja dan tidak sepatutnya dijadikan asas untuk membuat keputusan pelaburan, kewangan atau keputusan-keputusan lain. Walaupun bahan-bahan yang digunakan dalam penyediaan profil dana ini diperolehi daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai, PruBSN tidak menjamin ketepatan dan kesempurnaan maklumat. Sebarang analisis dan pendapat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis. Prestasi masa lalu tidak menjamin keputusan masa hadapan. Para pembaca dinasihatkan untuk menghubungi PruBSN atau ejen-ejennya untuk butiran lanjut dan penjelasan maklumat yang berkaitan dengan produk yang ditawarkan oleh kami. PruBSN dan mana-mana syarikatnya yang berkaitan menafikan sebarang liabiliti walau apa pun sifatnya, sekiranya para pembaca mengalami kerugian apabila mereka hanya bergantung kepada kandungan maklumat di dalam profil dana ini.

TAKAFUL

Untuk Semua. Untuk Kehidupan

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Prudential BSN Takaful Berhad (740651-H)

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Peti Surat 10073, 50704 Kuala Lumpur.

Talian Umum: +603 2778 3888

Talian Khidmat Pelanggan: +603 2053 7188

E-mel: customer@prubsn.com.my

www.prubsn.com.my

AHLI

